

## Bab 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Rumusan

Sesungguhnya budi bahasa atau ciri-ciri kesantunan tidak mungkin wujud tanpa terlebih dahulu wujudnya nilai-nilai akhlak yang mulia di hati setiap individu. Akhlak mulia yang lahir dari hati inilah yang kemudiannya bertanggungjawab memancarkan budi bahasa dalam bentuk nyata. Antara nilai-nilai akhlak yang terpuji ialah ikhlas, benar, adil, amanah, pemurah, penyayang, berani, pemalu, zuhud, dedikasi. Oleh itu telah menjadi keistimewaan budi bahasa menurut Islam, apabila menggabungkan antara budi bahasa di hati dengan yang lahir dalam bentuk bahasa yang halus dan murni. Ini kerana budi bahasa dan bahasa bertanggungjawab mencetuskan dan melahirkan budi bahasa. Dengan kata lain, hati merupakan pusat lahirnya unsur berbudi bahasa, seperti penggunaan bahasa yang halus. Hati juga akan berkata-kata atau membisikkan untuk melakukan budi. Dari sinilah terpancarnya bahasa yang mulia.

Bersesuaian dengan amalan budaya masyarakat Melayu yang mementingkan budi bahasa dan adab sopan yang tinggi, maka mereka seboleh mungkin dan sedaya yang mampu akan mencuba untuk menggunakan bahasa yang halus, sopan dan beretika. Lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan perbualan yang berbentuk nasihat, teguran, mendidik, berkaitan adat meminang dan sebagainya. Dari sini kita dapat lihat betapa

penutur berbahasa Melayu memperlihatkan keperibadian yang tinggi dan mulia ketika berbahasa sesama mereka.

Budi bahasa di hati bermula dengan sifat ikhlas. Ikhlas membawa maksud sebagai bersih, jernih, suci dan murni. Oleh itu ikhlas merupakan suatu tindakan, budi dan bahasa yang dilakukan dengan penuh keikhlasan niat di hati, bersih, jernih, suci dan murni. Sifat ini merupakan budi bahasa terpenting dan utama. Tanpa sifat ini tidak mungkin budi yang lain dapat dilahirkan. Oleh sebab itu Allah S.W.T telah memberikan kedudukan dan keistimewaan kepada mereka yang memiliki sifat ikhlas. Antara ciri-ciri keikhlasan ialah baik tuturkata, halus budi pekerti, berjasa, berbakti dan sebagainya.

Dalam masyarakat Melayu, seseorang yang mengamalkan budi bahasa yang lemah lembut, bersopan dan beretika akan disanjung, dihormati dan dimuliakan. Manakala mereka yang buruk tingkah lakunya, kasar tuturkatanya akan dilabelkan sebagai seorang yang biadab dan akan disisihkan atau tidak dihormati. Walaupun kini telah wujudnya golongan yang berharta atau kaya dari keluarga Melayu, namun amalan berbudi bahasa yang sopan ini terus diamalkan oleh mereka dalam kehidupan sehari-hari.

Secara keseluruhan hasil daripada kajian yang dibuat, dapatlah dirumuskan bahawa aspek kesantunan dalam berbahasa masih utuh diamalkan dalam keluarga Melayu. Terutama sekali ketika mereka berkomunikasi dengan orang yang lebih tua, berpangkat dan sebagainya. Mereka menggunakan laras bahasa yang sopan, lemah

lembut dan memperlihatkan kehalusan budi pekerti. Begitu juga kehalusan bahasa dalam pantun, peribahasa, bahasa kiasan, sindiran atau bahasa terbalik masih diamalkan sehingga hari ini. Semua ini jelas memperlihatkan aspek kesantunan berbahasa di kalangan mereka.

Maka benarlah kata-kata yang dikeluarkan oleh para sarjana yang mengatakan, jika mahu mengkaji budaya sesuatu bangsa, hendaklah mengetahui dan mengkaji bahasa mereka terlebih dahulu. Dalam hal ini, seandainya seseorang pengkaji budaya Melayu tidak memahami betapa halusnyanya bahasa Melayu, mereka akan gagal membuat rumusan yang tepat tentang bahasa Melayu. Dengan kata lain bahasa merupakan cermin atau gambaran sesuatu masyarakat atau bangsa.

Bahasa dan aspek-aspek yang berkaitan dengan kebudayaan para penutur merupakan dua entiti yang aling berjalanan. Hubungan antara bahasa dengan budaya pernah diterangkan oleh Asmah yang mengatakan bahawa bahasa adalah indeks bagi budaya. (Asmah, 1987:112). Ini bererti bahasa mencerminkan budaya para penuturnya, cara hidup dan juga persekitaran fizikal serta sosial mereka. Dengan kata lain, pernyataan tersebut menerangkan kepada kita bahawa unsur-unsur budaya menjadi sebahagian daripada sifat bahasa yang digunakan oleh bangsa tersebut.

Sebenarnya budaya merupakan unsur yang bersifat utuh yang menjadi sebahagian daripada diri kita dan bahasa adalah sebagai alat komunikasi anggota sesuatu budaya yang merupakan pernyataan yang paling jelas dan yang sedia ada bagi budaya tersebut.

Ertinya tiada bahasa yang tidak diwarnai dengan budaya para penggunanya. Bangsa Melayu sememangnya terkenal dengan kehalusan budi, bersopan, lemah lembut, berhemah tinggi dan dimuliakan. Semua ini terserlah melalui penggunaan bahasa pertuturan dan tingkah laku yang dipertontonkan kepada khalayak.

## **5.1 Cadangan**

Masyarakat Melayu yang merupakan penutur asli bahasa Melayu semestinya mempraktik dan mengamalkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi mereka. Ini kerana dibimbangkan jika penutur asli bahasa Melayu tidak mengamalkan budaya santun berbahasa, ia akan menjadi ikutan kepada penutur bahasa Melayu yang bukan penutur asli. Misalnya penutur bahasa Melayu dari golongan kaum Cina, India dan lain-lain bangsa. Mereka ini hanya akan mempraktikkan ilmu bahasa yang mereka pelajari tanpa mahu mengerti dan memahami adab sopan berbahasa Melayu yang sebenar. Ertinya mereka akan kesampingkan aspek kesantunan atau unsur kelembutan dan kehalusan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Semua pihak perlu mengembleng tenaga dan usaha ke arah mempraktikkan ujaran dan ungkapan yang bermoral iaitu kesantunan dalam berbahasa dalam komunikasi sehari-hari. Ini semua tidak lain dan tidak bukan adalah semata-mata untuk membentuk masyarakat penutur bahasa Melayu yang mempunyai nilai budi bahasa, adab sopan dan berhemah dalam tuturkata mereka.

Rakyat Malaysia, khususnya bangsa Melayu sememangnya sudah dikenali umum sebagai bangsa yang peramah dan mudah didekati. Alangkah lebih elok dan manis jika aspek kesantunan ini diaplikasikan dalam setiap tuturkata kita, terutama ketika berkomunikasi dengan orang dari luar. Kelak nanti bangsa kita akan terus dikenali dengan bangsa yang peramah, mudah didekati dan mempunyai satu nilai estetika dalam berbahasa iaitu santun dalam mengeluarkan setiap kata dari bibir tanpa mempunyai elemen-elemen kasar dan kotor.

Malah ketika negara kita menuju ke era maju dan moden menjelang 2020, kita seharusnya menyemai, memupuk satu nilai bahasa yang agung iaitu kesantunan dalam berbahasa. Ini bertujuan agar bangsa kita mempunyai nilai keperibadian yang tinggi. Malah kita dianggap telah mencapai tahap sebagai sebuah negara yang telah memenuhi ciri-ciri tamadun bangsa yang tinggi, mulia dan disanjung tinggi.

Apa yang diinginkan ialah kita muncul sebagai sebuah negara maju, moden dan berdaulat. Ertinya kita mahu maju dan moden mengikut acuan kita sendiri iaitu tanpa mengorbankan nilai dan keperibadian bangsa Melayu yang sememangnya terkenal dengan budi pekerti yang mulia, santun berbahasa, beradab, beretika, berhemah dan segala macam bentuk tingkah laku yang semuanya menjurus kepada keperibadian yang tinggi dan mulia.

Kita hendaklah seimbangkan pembangunan material dengan kerohanian atau insaniah agar tidak terbabas dari landas kehidupan yang harmoni. Ibu bapa yang sibuk

dengan tugas dan urusan pejabat, perniagaan dan sebagainya perlu meluangkan masa dan memberi perhatian yang secukupnya terhadap rumah tangga dan anak-anak agar ikatan kekeluargaan bertambah kukuh. Hal ini amat penting kerana ia dapat mengelakkan anak-anak daripada terjerumus ke lembah kemaksiatan atau perlakuan yang buruk. Kuat dan teguhnya sesuatu tamadun sesuatu bangsa bermula dari sebuah rumahtangga. Dari sinilah ia meluas dan berkembang menjadi masyarakat dan seterusnya negara. Pincangnya institusi kekeluargaan maka akan pincanglah negara tersebut.

Semua pihak perlu peka dengan penularan budaya barat yang lebih mementingkan kebebasan dalam setiap perlakuan. Hal seumpama ini amat mudah mempengaruhi diri seseorang khususnya golongan remaja yang sememangnya inginkan kebebasan dan keseronokan. Apa yang penting di sini ialah kita perlu bersedia menyiapkan benteng keimanan dan akhlak yang mulia agar tidak mudah terpengaruh dan terpedaya dengan budaya kotor tersebut.

Amalan berbudi sangat penting dijadikan budaya dalam kehidupan kita. Malah hidup kita mesti berbudi bahasa. Budi bahasa adalah alat atau perhiasan peribadi yang menjadikan diri seseorang itu bermaruah serta bernilai. Hidup tanpa budi bahasa menjadikan seseorang itu tidak berhemah. Orang-orang yang tidak berhemah itu adalah orang-orang yang rendah martabatnya sebagai ahli dalam sesebuah masyarakat. Ini kerana dalam budaya Melayu, walau setinggi mana pun tingkat kehidupan dan kedudukan seseorang itu, budi bahasa tetap akan dinilai orang.

Kajian ini barangkali sangat kerdil sumbangannya namun adalah diharapkan pengkaji-pengkaji atau pencinta bahasa selepas ini dapat membuat satu kajian yang lebih komprehensif tentang aspek kesantunan berbahasa. Mereka bolehlah menjadikan kajian ini sebagai landasan ke arah kajian yang lebih hebat, menyeluruh dan lengkap. Umpamanya penulis mencadangkan pengkaji selepas ini membuat kajian tentang unsur kesantunan berbahasa khusus di kalangan muda-mudi hari ini. Atau pengkaji juga boleh membuat kajian perbandingan tentang elemen kesantunan berbahasa di kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di luar bandar dengan masyarakat Melayu kota. Dari sini kita akan mendapat satu gambaran jelas tentang amalan sopan di kalangan orang Melayu sepenuhnya.

Perbezaan pasti terserlah antara mereka yang berpendidikan rendah dengan golongan yang berpendidikan tinggi atau yang terdedah dengan pengaruh-pengaruh luar. Terutama sekali penerimaan unsur barat dalam kehidupan masyarakat Melayu di kota pastinya mendatangkan kesan kepada mereka. Misalnya budaya mementingkan materialistik dan individualistik yang begitu menular di kalangan masyarakat Melayu kini menyebabkan aspek budi semakin terpinggir dan di kesampingkan. Apa yang kita mahu aspirasi pemimpin negara melalui cabaran keempat dalam Wawasan 2020 iaitu untuk melahirkan masyarakat berakhlak dan penyayang menjadi realiti.